



**[MUHAMMAD IBN ABI ‘AMIR’S POLITICAL INVOLVEMENT ACCORDING  
TO THE CHRONICLE OF IBN HAYYAN AL-QURTUBI]**

**PENGLIBATAN POLITIK MUHAMMAD IBN ABI ‘AMIR  
MENURUT CATATAN IBN HAYYAN AL-QURTUBI**

PUTERA AREFF ROSLAN<sup>1</sup>,  
EZAD AZRAAI JAMSARI<sup>1</sup>  
MOHAMAD ZULFAZDLEE ABUL HASSAN ASHARI<sup>1\*</sup>  
BURHANUDDIN JALAL<sup>2</sup>  
RAJA MUHAMMAD IMRAN RAJA ABDUL AZIZ<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam (ArabIC), Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

<sup>2</sup> Jabatan Kenegaraan, Kepemimpinan dan Ketamadunan,  
Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia,  
Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur, MALAYSIA

<sup>3</sup> Kolej GENIUS@Pintar Negara, UKM Kampus Seremban, IPG Raja Melewar,  
Jalan Sikamat, 70400 Seremban, Negeri Sembilan, MALAYSIA

\*Corresponding Author: [mozaha@ukm.edu.my](mailto:mozaha@ukm.edu.my)

Received Date: 15 January 2021 • Accepted Date: 15 March 2021

**Abstract**

Muhammad ibn Abi ‘Amir was a *de facto* leader of al-Andalus during the Umayyad rule based in Cordoba. Caliph al-Hakam II had appointed him to hold some political positions to strengthen Umayyad rule in Cordoba (al-Andalus) and al-Maghrib (North Africa). Muhammad ibn Abi ‘Amir’s political appointment was seen as a special position in Cordoba administration. This analysis is seen through the readings of the authoritative primary source written by Ibn Hayyan al-Qurtubi. Hence, the purpose of this article is to scrutinize Ibn Hayyan al-Qurtubi’s biography as an al-Andalus historian in the 5H/11AD Century in his work, *al-Muqtabas fi Akhbar Balad al-Andalus*. In addition, this research also describes the involvement of Muhammad ibn Abi ‘Amir in the Umayyad administration in Cordoba during the reign of Caliph al-Hakam II based on the chronicle of Ibn Hayyan al-Qurtubi. On the whole, this article is a qualitative research using historical study and content analysis in gathering and analyzing data from relevant primary and secondary sources. Based on Ibn Hayyan al-Qurtubi’s description in *al-Muqtabas*, this research argues that Muhammad ibn Abi ‘Amir was an authoritative political figure in 4H/10AD Century of the Umayyad rule in Cordoba. His political appointments were held in the fields, of administration, judiciary, military, security, international relations and finance. This research also concludes that Ibn Hayyan al-Qurtubi was a preeminent historian in al-Andalus through his work, *al-Muqtabas fi Akhbar Balad al-Andalus*, which is seen as his biggest contribution in the corpus of knowledge on Islamic history and civilization in al-Andalus.

Keywords: Political history, al-Andalus, Cordoba, Muhammad ibn Abi ‘Amir, Umayyad Caliphate, Caliph al-Hakam II, Ibn Hayyan al-Qurtubi

### Abstrak

Muhammad ibn Abi ‘Amir ialah seorang pemimpin *de facto* al-Andalus pada zaman pemerintahan Kerajaan Umawiyah di Cordoba. Pihak Khalifah al-Hakam II telah melantik beliau untuk menjawat beberapa jawatan politik utama bagi memperkukuh pengaruh Kerajaan Umawiyah di Cordoba (al-Andalus) dan di al-Maghrib (Afrika Utara). Pelantikan politik Muhammad ibn Abi ‘Amir ini turut memperlihatkan kedudukan istimewa yang diterima beliau dalam pemerintahan di Cordoba. Pencerakinan tersebut dilihat menerusi penelaahan terhadap sumber primer berwewenang yang ditulis oleh Ibn Hayyan al-Qurtubi. Oleh itu, penulisan ini bertujuan untuk meneliti biografi Ibn Hayyan al-Qurtubi sebagai tokoh sejarawan al-Andalus pada abad ke-5H/11M melalui karyanya, *al-Muqtabas fi Akhbar Balad al-Andalus*. Di samping itu, kajian ini turut memerihalkan penglibatan Muhammad ibn Abi ‘Amir dalam Kerajaan Umawiyah di Cordoba pada era pemerintahan Khalifah al-Hakam II berdasarkan catatan Ibn Hayyan al-Qurtubi. Secara keseluruhannya, artikel ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan dalam mengumpul serta menganalisis maklumat daripada sumber primer dan sekunder yang relevan. Berasaskan pemerian Ibn Hayyan al-Qurtubi dalam *al-Muqtabas*, kajian ini menghujahkan bahawa Muhammad ibn Abi ‘Amir ialah seorang tokoh politik berwibawa abad ke-4H/10M era Kerajaan Umawiyah di Cordoba. Antara penglibatan politik yang disandang oleh Muhammad ibn Abi ‘Amir adalah meliputi bidang pentadbiran, kehakiman, ketenteraan, keselamatan, hubungan antarabangsa dan juga kewangan. Kajian ini turut menatijahkan Ibn Hayyan al-Qurtubi sebagai seorang tokoh sejarawan terulung di al-Andalus menerusi hasil karyanya, *al-Muqtabas fi Akhbar Balad al-Andalus* yang dilihat sebagai sumbangan terbesar beliau dalam korpus kelimuan sejarah dan tamadun Islam di al-Andalus.

Kata kunci: Sejarah politik, al-Andalus, Cordoba, Muhammad ibn Abi ‘Amir, Kerajaan Umawiyah, Khalifah al-Hakam II, Ibn Hayyan al-Qurtubi

**Cite as:** Putera Areff Roslan, Ezad Azraai Jamsari, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, Burhanuddin Jalal & Raja Muhammad Imran Raja Abdul Aziz. (2021). Penglibatan politik Muhammad Ibn Abi ‘Amir menurut catatan Ibn Hayyan al-Qurtubi. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(1): 176-189.

### PENGENALAN

Pada abad ke-4H/10M, wilayah al-Andalus berada di bawah pemerintahan Kerajaan Umawiyah yang berpusat di kota Cordoba. Tempoh ini menyaksikan zaman kegemilangan Kerajaan Umawiyah di al-Andalus di bawah pemerintahan Khalifah al-Hakam II *al-Mustansir bi Allah*. Pada ketika ini, muncul Muhammad ibn Abi ‘Amir sebagai seorang pemimpin *de facto* al-Andalus yang amat berpengaruh dalam gelanggang politik dalaman dan luaran Umawiyah. Pihak Khalifah al-Hakam II telah melantik beliau untuk menjawat beberapa jawatan politik utama bagi memperkukuh pengaruh Kerajaan Umawiyah di Cordoba (al-Andalus) dan di al-Maghrib (Afrika Utara). Pelantikan politik Muhammad ibn Abi ‘Amir ini turut memperlihatkan kedudukan istimewa yang diterima beliau dalam pemerintahan di Cordoba. Pencerakinan

tersebut dilihat menerusi ukuran neraca sumber primer berwewenang yang ditulis oleh Ibn Hayyan al-Qurtubi melewati karya agungnya, *al-Muqtabas fi Akhbar Balad al-Andalus*.

Nama Ibn Hayyan al-Qurtubi amat sinonim apabila dikaitkan dengan sumbangan terhadap sejarah dan tamadun Islam di al-Andalus. Beliau yang berasal dan dibesarkan di al-Andalus, hidup dalam suasana perkembangan pelbagai ilmu dan suasana politik yang bermacam ragam dari zaman pemerintahan dinasti Umawiyah kepada pentadbiran ‘Amiriyah dan seterusnya pemerintahan era *Muluk al-Tawa’if*. Secara tidak langsung, penelitian dan penyaksian beliau terhadap suasana politik di al-Andalus sepanjang kehidupannya menjadi sumber paling berharga dalam periwayatan sejarah dan tamadun Islam di al-Andalus.

## CAKUPAN HOLISTIK KAJIAN

Kajian ini bertitik tolak daripada pernyataan Mourtada-Sabbah dan Gully (2003) yang menegaskan bahawa Muhammad ibn Abi ‘Amir menjadi individu kesayangan isteri Khalifah al-Hakam II, iaitu al-Sayyidah al-Subh dan selanjutnya dilantik menjadi pengawal peribadi isteri khalifah. Bermula daripada lantikan ini, Muhammad ibn Abi ‘Amir mula dilantik menjawat beberapa jawatan lain sehingga dinobatkan menjadi pemerintah *de facto* Kerajaan Umawiyah di Cordoba. Dalam perbahasan yang sama, Debasa (2017) turut mengiktiraf Ibn Hayyan al-Qurtubi sebagai periwayat rasmi sejarah dan tamadun Islam di al-Andalus apabila beliau mengetengahkan catatan Ibn Hayyan al-Qurtubi berkenaan penglibatan Muhammad ibn Abi ‘Amir dalam Kerajaan Umawiyah di Cordoba era pemerintahan Khalifah al-Hakam II dalam karya *al-Muqtabas fi Akhbar Balad al-Andalus*.

Oleh itu, penulisan ini bertujuan untuk meneliti biografi Ibn Hayyan al-Qurtubi sebagai tokoh sejarawan al-Andalus pada abad ke-5H/11M melalui karyanya, *al-Muqtabas fi Akhbar Balad al-Andalus*. Di samping itu, kajian ini turut memerihalkan penglibatan Muhammad ibn Abi ‘Amir dalam Kerajaan Umawiyah di Cordoba pada era pemerintahan Khalifah al-Hakam II berdasarkan catatan Ibn Hayyan al-Qurtubi. Secara keseluruhannya, artikel ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan dalam menganalisis maklumat daripada sumber primer dan sekunder yang relevan.

## BIOGRAFI IBN HAYYAN AL-QURTUBI

### Nama, Kelahiran dan Keluarga

Nama lengkap Ibn Hayyan al-Qurtubi ialah Abu Marwan Hayyan ibn Khalaf ibn Husayn ibn Hayyan ibn Muhammad ibn Hayyan ibn Wahb ibn Hayyan al-Qurtubi. Beliau dilahirkan di Cordoba pada tahun 377H/987M dan meninggal dunia pada hari Ahad, 27 Rabi‘ al-Awwal 469H/1071M di tanah perkuburan al-Rabad (Ibn Bashkuwal, 1989). Menurut komentar Makki (dalam Ibn Hayyan al-Qurtubi, 2003), iaitu *muhaqqiq* karya *al-Muqtabas* menerangkan bahawa moyang Ibn Hayyan al-Qurtubi yang bernama Wahb ibn Hayyan ialah seorang hamba kepada Amir ‘Abd al-Rahman I ibn Mu‘awiyah *al-Dakhil*, pemerintah era *Imarah* Umawiyah pertama di al-Andalus. Keluarga Ibn Hayyan al-Qurtubi terkenal dengan sokongan taat setia kepada para pemerintah Umawiyah di Cordoba. Bapanya pula, iaitu Khalaf ibn Husayn merupakan setiausaha kerajaan pada zaman pemerintahan Muhammad ibn Abi ‘Amir dan ‘Abd al-Malik

al-Muzaffar (Meouak, 2011). Bapanya juga pernah menjadi pengawal peribadi dan menyimpan rahsia kepada Muhammad ibn Abi ‘Amir (Hardan, 2017). Sementara itu, *laqab* (gelaran di akhir nama) bagi Ibn Hayyan ialah al-Qurtubi kerana dinisbahkan kepada kota Cordoba dan ini sering digunakan oleh para pengkaji sejarah dan tamadun Islam di al-Andalus seperti Makki, al-Hajji dan al-Hawwari. Namun demikian, pengkaji lain yang *mentahqiq* karya ini, iaitu al-‘Arabi telah menisbahkan gelaran al-Andalusi kepada Ibn Hayyan dan bukannya al-Qurtubi. Dalam hal ini, penulis mendapati bahawa kedua-dua gelaran ini adalah benar dan boleh diterima kerana bersesuaian dengan ketokohan Ibn Hayyan itu sendiri yang berasal Cordoba, al-Andalus.

## Guru dan Ketokohan

Ibn Hayyan al-Qurtubi menuntut ilmu secara langsung daripada bapanya yang merupakan setiausaha kepada Muhammad ibn Abi ‘Amir (Kazim, 2007). Selain itu, beliau turut menuntut ilmu daripada para ulama terkemuka di al-Andalus dalam pelbagai bidang seperti hadith, *fiqh*, bahasa dan kesusasteraan Arab. Antaranya guru beliau ialah sebagaimana berikut (Ibn Bashkuwal, 1989; Hardan, 2017):

1. *al-Muhaddith* Abu Hafs ‘Umar ibn Husayn ibn Nabil al-Umawi al-Qurtubi.
2. *al-Muhaddith* Ibn al-Faradi ‘Abd Allah ibn Muhammad ibn Yusuf ibn Nasr al-Azdi al-Qurtubi.
3. Ibn Abi al-Habbab al-Ma‘muri Abi ‘Umar Ahmad ibn ‘Abd al-‘Aziz ibn Faraj.
4. *al-Lughawi* Abu al-‘Ala’ Sa‘id ibn al-Hasan ibn ‘Isa al-Rab‘i al-Baghdadi.
5. *al-Muhaddith* Abu al-Qasim ‘Abd al-Rahman ibn Abi Yazid al-Misri.

Ibn Hayyan al-Qurtubi terkenal sebagai tokoh ilmuwan ulung dalam bidang sastera Arab dan sejarah Islam di al-Andalus sehingga diberi gelaran *Shaykh al-Adab wa al-Mu‘arrikhin*. Beliau dipuji dan diberi pengiktirafan yang tinggi oleh para ulama sezaman dan selepasnya seperti Abu ‘Ali al-Ghassani, Abu ‘Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn ‘Awn (Ibn Bashkuwal, 1989), Ibn Khaldun (2001), Ibn ‘Umayrah al-Dabbi (1989) dan al-Zirikli (2002). Selain itu, ketokohan beliau turut dipuji para sejarawan dari Barat seperti Luckhardt (2018) dan Arce (2019).

## Penulisan

Ibn Hayyan al-Qurtubi lebih menyerlah dalam penulisan dan perbahasan bidang sejarah, terutama sejarah dan tamadun Islam di al-Andalus melalui karya *al-Muqtabas fi Akhbar Balad al-Andalus* yang dianggap sebagai *magnum opus* dalam bidang berkenaan (Kazim, 2007; Bubayah, 2019). Pendorong utama beliau dalam penulisan karya sejarah ialah bapanya sendiri yang merupakan setiausaha kerajaan pada zaman pemerintahan Muhammad ibn Abi ‘Amir. Selain itu, penulisan beliau juga dipengaruhi oleh sebahagian ulama terkemuka di al-Andalus seperti Abu al-‘Ala’ Sa‘id al-Baghdadi. Menurut hitungan para pengkaji sejarah, jumlah hasil penulisan yang dihasilkan oleh Ibn Hayyan al-Qurtubi mencapai 50 buah karya. Namun, semua karya beliau ini tidak dapat dijejaki melainkan karya *al-Muqtabas*. Antara karya beliau yang dapat dikenal pasti menerusi karya penulisan sejarawan lain ialah seperti (Zayyan, 2013):

1. *al-Muqtabas fi Akhbar Balad al-Andalus* (karya yang menjadi fokus penulisan ini).
2. *al-Matin*.
3. *Akhbar Dawlat al-‘Amiriyyah*.
4. *al-Batshah al-Kubra*.
5. *al-Alfaz*.
6. *Bahjat al-Anfus wa Rawdat al-Ins*.
7. *Intikhab min Akhbar al-Qudah* atau *Tarikh Fuqaha’ Qurtubah*.

### **KARYA AL-MUQTABAS FI AKHBAR BALAD AL-ANDALUS**

Karya *al-Muqtabas fi Akhbar Balad al-Andalus* ialah sebuah karya sejarah dan tamadun Islam di al-Andalus abad ke-5H/11M dan masih wujud sehingga ke hari ini (Aguirre, 2013). Topik perbincangan dalam karya ini bermula dengan pembukaan dan perluasan wilayah Islam oleh Tariq ibn Ziyad sehingga zaman pemerintahan ‘Amiriyyah (Zayyan, 2013) dan Ibn Hayyan al-Qurtubi selesai menulis karya ini ketika pemerintahan *Muluk al-Tawa’if* (Skinner, 2012). Karya ini ditulis mengikut kronologi dan urutan tempoh pemerintahan para pemerintah kerajaan Islam di al-Andalus, di samping menghimpunkan sejarah perkembangan kerajaan Kristian di sekeliling al-Andalus (Tariq, 2006; Shu‘ayb, 2014; Luckhardt, 2018). Selain itu, karya ini diibaratkan oleh Christys (2016) dan Meouak (2011) sebagai himpunan sejarah Islam di al-Andalus daripada penulisan tokoh-tokoh sejarawan al-Andalus yang hidup sebelumnya seperti Ahmad al-Razi dan anaknya, ‘Isa, Muhammad ibn Harith al-Khanashi, Ibn al-Faradi, Mu‘awiyah ibn Hisham al-Shabinsi dan Ahmad ibn ‘Abd al-Barr (Aguirre, 2013; Shu‘ayb, 2014). Sungguhpun begitu, sebahagian besar karya tidak dapat dijejaki dan hanya lima juzuk sahaja daripada kitab *al-Muqtabas* yang dijumpai dengan keadaan isi kandungannya yang tidak sempurna. Berikut ialah juzuk-juzuk daripada karya ini:

1. Juzuk Pertama: Menghuraikan pemerintahan *Amir* al-Hakam ibn Hisham dari tahun 180H/796M hingga 206H/822M dan *Amir* ‘Abd al-Rahman ibn al-Hakam dari tahun 206H/822M hingga 232H/847M. Juzuk ini dijumpai dalam keadaan sempurna dan ditahqiqkan oleh Mahmud ‘Ali Makki pada tahun 2003 (Ibn Hayyan al-Qurtubi, 2003).
2. Juzuk Kedua: Menghuraikan pemerintahan *Amir* ‘Abd al-Rahman *al-Awsat* dan sebahagian besar pemerintahan anaknya, Muhammad dari tahun 232H/847M hingga 267H/880M. Juzuk ini dijumpai dalam keadaan tidak sempurna dan ditahqiqkan oleh Mahmud ‘Ali Makki pada tahun 1994 (Ibn Hayyan al-Qurtubi, 1994).
3. Juzuk Ketiga: Menghuraikan pemerintahan *Amir* ‘Abd Allah ibn Muhammad bermula pada tahun 275H/888M hingga 300H/912M. Jilid ini dijumpai dalam keadaan sempurna dan diusahakan penerbitannya oleh seorang Orientalis Sepanyol bernama P. Melchor Martinez Antuna di Paris pada tahun 1937, yang kemudiannya turut diusahakan penerbitannya menerusi *tahqiq* oleh Isma‘il al-‘Arabi pada tahun 1990 (Ibn Hayyan al-Andalusi, 1990; Ibn Hayyan al-Qurtubi, 1965).
4. Juzuk Keempat: 30 tahun pertama daripada tempoh pemerintahan Khalifah ‘Abd al-Rahman al-Nasir III bermula pada tahun 299H/911M hingga 330H/941M. Jilid ini dijumpai dalam keadaan sempurna serta diusahakan penerbitan dan proses *tahqiq*nya oleh P. Chalmeta yang berkolaborasi dengan F. Corriente dan M. Subh di Madrid pada tahun 1979 (Ibn Hayyan al-Qurtubi, 1979).

5. Juzuk Kelima: Lima tahun daripada tempoh pemerintahan Khalifah al-Hakam II *al-Mustansir bi Allah* bermula dari tahun 360H/970M hingga 364H/974M. Jilid ini dijumpai dalam keadaan tidak sempurna dan ditahqiqkan oleh ‘Abd al-Rahman ‘Ali al-Hajji pada tahun 1965 (Ibn Hayyan al-Qurtubi, 1965) dan Salah al-Din al-Hawwari pada tahun 2006 (& Ibn Hayyan al-Andalusi, 2006).

Judul karya ini diriwayatkan dalam pelbagai versi nama, antaranya seperti *al-Muqtabas fi Tarikh al-Andalus*, *al-Muqtabas fi Tarikh Rijal al-Andalus*, *al-Muqtabas min Anba’ Ahl al-Andalus*, *Kitab al-Tarikh al-Kabir* dan *al-Muqtabas fi Akhbar Balad al-Andalus*. Selain itu, terdapat juga perbezaan cara sebutan bagi nama karya ini oleh kalangan sejarawan dari Timur dan juga Barat. Majoriti sejarawan dari Timur menyebut dengan nama *al-Muqtabas*, manakala sejarawan dari Barat pula seperti Reinhart Dozy, Francisco Pons Boigues, Melchor Martinez Antuna, Evariste Levi-Provencal dan Emilio Garcia Gomez menyebut dengan nama *al-Muqtabis* (Ibn Hayyan al-Qurtubi, 1994). Walau bagaimanapun, nama *al-Muqtabas fi Akhbar Balad al-Andalus* digunakan dalam penulisan makalah ini kerana ia dicatatkan sendiri oleh Ibn Hayyan al-Qurtubi dalam lembaran terakhir manuskrip karyanya. Manuskrip ini dijumpai di Perpustakaan Real Academia de la Historia di Madrid pada tahun 1888 dan diterbitkan buat kali pertama di Beirut pada tahun 1965 dengan proses *tahqiq* oleh ‘Abd al-Rahman ‘Ali al-Hajji. Selanjutnya, manuskrip ini turut ditahqiq oleh Salah al-Din al-Hawwari di Beirut pada tahun 2006.

Antara metode yang digunakan oleh Ibn Hayyan al-Qurtubi dalam karyanya adalah dengan: menggunakan uslub penceritaan yang mudah difahami, menyandarkan setiap riwayat sejarah kepada tokoh sejarawan al-Andalus sebelumnya (Christys, 2016; Zayyan, 2013), mengemukakan pendapat dan kritikan terhadap sesuatu peristiwa (Tariq, 2015), mencatatkan waktu berlaku sesuatu peristiwa dengan lengkap seperti catatan tahun, bulan, hari dan masa dan kadang-kadang dicatatkan dua jenis tahun, iaitu tahun Hijrah dan tahun Masihi (Ibn Hayyan al-Qurtubi, 1965). Tambahan pula, Ibn Hayyan al-Qurtubi sering menggambarkan sesuatu situasi dengan penuh terperinci seperti situasi yang berlaku dalam majlis-majlis yang dihadiri pihak khalifah, menggabungkan gaya penulisan sastera Arab dan sejarah (al-Shak‘ah, 1984) dan mengutamakan peristiwa-peristiwa yang sahih serta bebas daripada periwayatan yang tidak benar dan diragui (Kazim, 2007).

## PENGLIBATAN POLITIK MUHAMMAD IBN ABI ‘AMIR

Sejarah berkaitan penglibatan politik Muhammad ibn Abi ‘Amir dalam Kerajaan Umawiyah di Cordoba menurut catatan Ibn Hayyan al-Qurtubi melalui karya *al-Muqtabas fi Akhbar Balad al-Andalus* bermula pada tahun 360H/971M hingga tahun 363H/974M. Ibn Hayyan al-Qurtubi telah mencatatkan perihal penglibatan politik yang diceburi oleh Muhammad ibn Abi ‘Amir sepanjang tempoh ini, khususnya era pemerintahan Khalifah al-Hakam II. Namun, catatan Ibn Hayyan al-Qurtubi berkaitan penglibatan politik Muhammad ibn Abi ‘Amir ini terhenti pada tahun 363H/974M disebabkan isi kandungan manuskrip yang tidak dijumpai kemudiannya.

Penulisan ini memberi tumpuan kepada dua karya *al-Muqtabas* yang ditahqiq oleh dua orang pengkaji kontemporari berkaitan sejarah dan Tamadun Islam di al-Andalus, iaitu al-Hajji (Ibn Hayyan al-Qurtubi, 1965) dan juga al-Hawwari (Ibn Hayyan al-Andalusi, 2006). Ini

memandangkan kedua-dua *pentahqiq* ini berjaya memaparkan naratif pemerihalan yang berkaitan secara langsung dengan penglibatan politik Muhammad ibn Abi ‘Amir dalam pentadbiran Kerajaan Umawiyyah era pemerintahan Khalifah al-Hakam II di Cordoba pada akhir abad ke-4H/10M.

Kemunculan Muhammad ibn Abi ‘Amir sebagai figura penting dalam Kerajaan Umawiyyah di Cordoba mula menyerlah ketika pemerintahan Khalifah al-Hakam II. Detik permulaan kemunculan ini berlaku apabila personaliti beliau dikagumi oleh isteri Khalifah al-Hakam II, al-Sayyidah al-Subh. Lalu, dengan perantaraan al-Sayyidah al-Subh, beliau dilantik oleh Khalifah al-Hakam II menjawat pelbagai jawatan politik utama dalam kerajaan (Qadur, 2017) sehingga menjadi individu kepercayaan di sisi khalifah. Berdasarkan catatan Ibn Hayyan al-Qurtubi, penglibatan politik terawal Muhammad ibn Abi ‘Amir meliputi bidang pentadbiran, kehakiman, ketenteraan, keselamatan, hubungan antarabangsa dan juga kewangan (Ibn Hayyan al-Qurtubi, 1965; Ibn Hayyan al-Andalusi, 2006).

### **Dalam Bidang Pentadbiran**

Pada bulan Zulhijjah tahun 362H/973M, Muhammad ibn Abi ‘Amir telah pulang ke Cordoba dalam keadaan sakit selepas berada di kem ketenteraan di al-Maghrib selama hampir setahun. Pada bulan ini juga, Khalifah al-Hakam II turut memilih puteranya yang masih kecil, *al-Amir* Abu al-Walid Hisham II sebagai penyandang mahkota khalifah dan melantik pegawai kanannya, Ja‘far ibn ‘Uthman al-Mushafi sebagai *al-Hajib* (pegawai tertinggi kerajaan) menggantikan khalifah yang masih kecil setelah kematiannya nanti. Manakala Muhammad ibn Abi ‘Amir pula dipilih sebagai *al-Hajib* selepas Ja‘far ibn ‘Uthman al-Mushafi.

Selain itu, Hitti (1970) turut mengulas berkenaan penglibatan politik Muhammad ibn Abi ‘Amir yang memegang beberapa jawatan politik utama dalam kerajaan telah menyebabkan beliau pada akhirnya diangkat menjadi *al-Hajib* bersama Ja‘far ibn ‘Uthman al-Mushafi. Namun begitu, ‘Inan (1997) pula merumuskan bahawa Muhammad ibn Abi ‘Amir berjaya melucutkan jawatan *al-Hajib* daripada Ja‘far ibn ‘Uthman al-Mushafi dan menguasai pula pentadbiran Kerajaan Umawiyyah di Cordoba sebagai pemerintah *de facto* menggantikan Khalifah Hisham II yang masih kecil (Cardoso, 2019).

### **Dalam Bidang Kehakiman**

Ketika Muhammad ibn Abi ‘Amir masih remaja, beliau telah mempelajari pelbagai bidang ilmu, termasuk perundangan Islam dengan beberapa tokoh ulama di Cordoba. Secara tidak langsung, hal ini menjadikan beliau seorang yang *faqih* dalam bidang perundangan Islam. Tambahan pula, al-Marrakushi (1950) merekodkan terdapat kalangan ahli keluarganya yang pernah terlibat sebagai *qadi* (hakim) di al-Andalus. Oleh sebab itu, beliau turut dilantik oleh Khalifah al-Hakam II menjadi *qadi* di Seville pada tahun 358H/969M. Dua tahun berikutnya, Khalifah al-Hakam II telah melantik beliau sebagai *Qadi al-Qudah* (ketua hakim) di al-Maghrib ketika beliau diutus dan menetap di sana dalam tempoh yang tertentu.

Dalam hal ini, Kusi-Obodum (2017) juga seiringan dengan para pengkaji sejarah yang lain menegaskan bahawa penglibatan Muhammad ibn Abi ‘Amir dalam kerajaan semakin mendapat kedudukan istimewa tatkala beliau dilantik sebagai *qadi* (hakim). Keilmuan beliau

dalam bidang perundangan Islam serta bahasa dan kesusasteraan Arab turut mendapat kepercayaan daripada Khalifah al-Hakam II (Cardoso, 2019) dengan melantik beliau sebagai *qadi* di Seville. Selain itu, Dozy (1913) dan al-Marrakushi (1950) turut mencatatkan Muhammad ibn Abi ‘Amir pernah menjadi *qadi* di Niebla.

### **Dalam Bidang Ketenteraan**

Pada pertengahan bulan Sha’ban tahun 362H/973M, Khalifah al-Hakam II telah mengutus Muhammad ibn Abi ‘Amir bersama dua utusan khalifah yang lain buat kali pertamanya sebagai *‘aynan* (pemantau atau *quartermaster*) (Catlos, 2018) kepada ketumbukan ketenteraan Kerajaan Umawiyah di al-Maghrib. Para utusan ini telah menetap di al-Maghrib selama hampir dua bulan bagi melaksanakan tugas yang diberikan oleh Khalifah al-Hakam II. Pada akhir bulan Ramadan, Muhammad ibn Abi ‘Amir bersama dua utusan khalifah tersebut beredar dari al-Maghrib dan pulang ke Cordoba bagi memaklumkan keadaan tentera Umawiyah di al-Maghrib kepada pihak khalifah. Lantas, Khalifah al-Hakam II memuji usaha Muhammad ibn Abi ‘Amir dan dua utusan tersebut dalam menyelesaikan tugas yang diberikan dan berasa tenang dengan segala berita yang disampaikan.

Dari sisi yang lain pula, Ampuero (2018) menambahkan penglibatan Muhammad ibn Abi ‘Amir dalam memimpin lebih 50 ekspedisi ketenteraan memerangi kerajaan Kristian di Utara al-Andalus merupakan kejayaan bersejarah dalam sejarah ketenteraan dan pertahanan Islam di al-Andalus sehingga beliau digelar *al-Mansur* yang bermaksud individu yang diberikan kemenangan. Hal ini boleh diperhatikan secara jelas melalui catatan Dozy (1913) yang membuktikan kejayaan Muhammad ibn Abi ‘Amir membebaskan dua kubu yang terletak di kota Salamanca daripada kekuasaan kerajaan Kristian, lalu dinaikkan kedudukannya oleh Khalifah al-Hakam II sebagai *Dhu / Khuttat al-Wizaratayn* (pegawai tertinggi pentadbiran dan ketenteraan) pada tahun 367H/978M.

### **Dalam Bidang Hubungan Antarabangsa**

Penglibatan politik Muhammad ibn Abi ‘Amir juga membabitkan aspek bidang hubungan antarabangsa apabila Khalifah al-Hakam II melantik beliau untuk memegang jawatan politik di luar al-Andalus, iaitu al-Maghrib. Beliau dilantik sebagai pegawai tertinggi protokol untuk menyambut kedatangan Ja’far ibn ‘Ali ibn Hamdun dari al-Maghrib pada bulan Zulkaedah tahun 360H/971M. Menurut rekod al-Marrakushi (1950) pula, terdapat sejumlah besar pemimpin dari Banu Zanatah di al-Maghrib yang turut datang ke Cordoba bagi mengisytiharkan sokongan taat setia kepada Kerajaan Umawiyah di Cordoba, termasuk Ja’far. Justeru, Khalifah al-Hakam II mengutus Muhammad ibn Abi ‘Amir sebagai pegawai tertinggi protokol untuk menyambut ketibaan mereka di al-Andalus. Semenjak itu, Muhammad ibn Abi ‘Amir diberi gelaran *fata al-dawlah* (pemuda negara).

Selain daripada itu, pada permulaan bulan Shawwal tahun 362H/973M, Khalifah al-Hakam II telah mengutus Muhammad ibn Abi ‘Amir ke al-Maghrib buat kali kedua tanpa ditemani para utusan yang lain. Dalam misi perutusan kali ini, Muhammad ibn Abi ‘Amir diamanahkan untuk membawa sejumlah harta dan perhiasan kemas sebagai pemberian khalifah kepada para pemimpin bangsa Barbar di al-Maghrib. Hal ini secara tidak langsung



memperlihatkan kepercayaan Khalifah al-Hakam II terhadap Muhammad ibn Abi ‘Amir dalam usaha memastikan hubungan antara Kerajaan Umawiyyah di Cordoba dan penyokong Kerajaan Umawiyyah di al-Maghrib dapat dijalinan dengan baik, terutama daripada kalangan bangsa Barbar (Dozy, 1913).

### **Dalam Bidang Keselamatan**

Pada bulan Jumada al-Awwal tahun 361H/972M, Muhammad ibn Abi ‘Amir dilantik menjadi *Sahib al-Shurtah al-Wusta* (ketua polis yang menjaga masyarakat lapisan pertengahan). Manakala ketika beliau diutuskan ke al-Maghrib pada tahun 362H/973M, Khalifah al-Hakam II turut melantik beliau sebagai *Sahib al-Shurtah al-‘Ulya* (ketua polis yang menjaga masyarakat bangsawan). Sungguhpun penjelasan terhadap kedua-dua jawatan ini diterangkan oleh Levi-Provençal, namun Makki menyimpulkan bahawa kedudukan seumpama kedua-dua jawatan yang dikurniakan oleh Khalifah al-Hakam II ini kepada Muhammad ibn Abi ‘Amir hanyalah sebagai tanda kemuliaan dan ketinggian status seseorang dalam kerajaan (Ibn Hayyan al-Qurtubi, 1994).

Kendatipun begitu, para pengkaji sejarah al-Andalus dari Barat seumpama Dozy (1913) dan Catlos (2018) telah menyamakan jawatan *Sahib al-Shurtah al-Wusta* dan *Sahib al-Shurtah al-‘Ulya* yang dipegang oleh Muhammad ibn Abi ‘Amir dan menterjemahkan kedua-dua jawatan tersebut sebagai ketua polis secara umum tanpa menyebut bidang tugas secara spesifik. Manakala al-Marrakushi (1950) pula mencatatkan sekembalinya Muhammad ibn Abi ‘Amir dari peperangan kedua pada tahun 366H/977, Khalifah al-Hakam II telah melucutkan jawatan Muhammad ibn Ja‘far ibn ‘Uthman daripada menjadi *Sahib al-Madinah* (ketua pentadbir kota). Kemudian, jawatan ini diberikan kepada Muhammad ibn Abi ‘Amir dan dalam masa yang sama beliau turut menjadi *Sahib al-Shurtah* (ketua polis). Pada pandangan penulis, pernyataan al-Marrakushi ini seakan memberi gambaran bahawa Muhammad ibn Abi ‘Amir turut diberi kepercayaan berganda oleh pihak khalifah kerana memegang kedua-dua jawatan ini secara serentak.

### **Dalam Bidang Kewangan**

Muhammad ibn Abi ‘Amir dilantik menjadi *Sahib al-Sikkah* atau *Amanat Dar al-Sikkah* (pentadbir hal-ehwal kewangan kerajaan) serta *Sahib al-Mawarith* atau *Khuttat al-Mawarith* (pentadbir harta *mawarith*) sejak tahun 358H/969M buat satu tempoh yang singkat. Namun begitu pada bulan Shawwal tahun 363H/974M, beliau dilantik semula sebagai *Sahib al-Sikkah* ketika berada di al-Maghrib (Ibn Hayyan al-Qurtubi, 1965). Menurut Catlos (2018) pula, pada awal perkenalan antara Muhammad ibn Abi ‘Amir dan al-Sayyidah al-Subh, beliau turut dilantik menjadi *financial trustee* (pegawai kewangan peribadi) kepada al-Sayyidah al-Subh pada tahun 356H/967M. Hal ini juga diperincikan oleh al-Tarib (2014) yang menyatakan Muhammad ibn Abi ‘Amir dilantik menjadi *Sahib al-Sikkah* di Seville.

Kedua-dua jawatan ini menjelaskan kedudukan tertinggi Muhammad ibn Abi ‘Amir dalam kerajaan pada ketika itu. Bahkan ‘Inan (1997) turut merekodkan secara tertib penglibatan politik Muhammad ibn Abi ‘Amir, iaitu dilantik pada mulanya sebagai *Sahib al-Sikkah*, kemudian dilantik menjadi *Sahib al-Mawarith* pada tahun yang sama. Sementara Stokes (dalam

Dozy, 1913) menyatakan ketika Muhammad ibn Abi ‘Amir menjadi *Sahib al-Sikkah*, nama beliau telah ditempa pada setiap duit syiling yang dikeluarkan oleh *Dar al-Sikkah*.

Jadual 1. Penglibatan Politik Muhammad ibn Abi ‘Amir menurut Catatan Ibn Hayyan al-Qurtubi

Bil.	Bidang	Jawatan	Catatan	Tahun
1.	Pentadbiran	<i>al-Hajib</i> (Ibn Hayyan al-Qurtubi, 1965; Ibn Hayyan al-Qurtubi, 2006)	Pegawai tertinggi kerajaan	362H/973M
2.	Kehakiman	<i>Qadi Ishbiliyyah</i> (Ibn Hayyan al-Qurtubi, 1965; Ibn Hayyan al-Qurtubi, 2006)	Hakim di Seville dan Niebla	358H/969M
		<i>Qadi Ishbiliyyah wa Labla</i> (al-Marrakushi, 1950)		
		<i>Qadi al-Qudah bi al-‘Udwah, al-Maghrib</i> (Ibn Hayyan al-Qurtubi, 1965; Ibn Hayyan al-Qurtubi, 2006)	Ketua Hakim di al-‘Udwah, al-Maghrib	362H/973M
3.	Ketenteraan	<i>Umana’ wa Mumtahinin ‘ala al-Quwwad biha</i> (Ibn Hayyan al-Qurtubi, 1965; Ibn Hayyan al-Qurtubi, 2006)	Pemantau atau <i>quartermaster</i> (Catlos, 2018)	362H/973M
		<i>‘Aynan ‘ala al-‘Askar</i> (al-Marrakushi, 1950)		
		<i>Dhu / Khuttat al-Wizaratayn</i> (al-Marrakushi, 1950)	Pegawai tertinggi pentadbiran dan ketenteraan	367H/978M
4.	Hubungan Antarabangsa	<i>Rasul al-Khalifah</i> (Ibn Hayyan al-Qurtubi, 1965; Ibn Hayyan al-Qurtubi, 2006)	Pegawai tertinggi protokol	360H/971M
5.	Keselamatan	<i>Sahib al-Shurtah al-Wusta</i> (Ibn Hayyan al-Qurtubi, 1965; Ibn Hayyan al-Qurtubi, 2006)	Ketua polis yang menjaga masyarakat	361H/972M

		<i>Mudir li al-Shurtah al-Wusta</i> (‘Inan, 1997)	lapisan pertengahan	
		<i>Sahib al-Shurtah al-‘Ulya</i> (Ibn Hayyan al-Qurtubi, 1965; Ibn Hayyan al-Qurtubi, 2006)	Ketua polis yang menjaga masyarakat bangsawan	362H/973M
6.	Kewangan	<i>Fanasabahu al-Hakam li khidmatih</i> (al-Marrakushi, 1950)  <i>al-Nazar fi amwaliha wa diya ‘iha</i> (al-Qahtani, 1981)	Pegawai kewangan peribadi al-Subh atau <i>financial trustee</i> (Catlos, 2018)	356H/967M
		<i>Sahib al-Sikkah</i> (Ibn Hayyan al-Qurtubi, 1965; Ibn Hayyan al-Qurtubi, 2006)  <i>al-Nazar fi Amanat Dar al-Sikkah</i> (al-Marrakushi, 1950)	Pentadbir hal- ehwal kewangan kerajaan	358H/969M dan 363H/974M
		<i>Sahib al-Mawarith</i> (Ibn Hayyan al-Qurtubi, 1965; Ibn Hayyan al-Qurtubi, 2006)  <i>al-Nazar ‘ala Khuttat al-Mawarith</i> (‘Inan, 1997)	Pentadbir harta <i>mawarith</i>	358H/969M

Sumber: Pengkaji 2021

## KESIMPULAN

Berdasarkan pencerakinan di atas, kajian ini menghujahkan Muhammad ibn Abi ‘Amir ialah seorang tokoh politik yang berpengaruh dan berwibawa dalam pemerintahan Khalifah al-Hakam II di Cordoba. Pemerian ini berdasarkan penglibatan politik yang diceburi oleh beliau bermula sebagai *financial trustee* (pegawai kewangan peribadi) kepada al-Sayyidah al-Subh, *Sahib al-Sikkah* (pentadbir hal-ehwal kewangan kerajaan), *Sahib al-Mawarith* (pentadbir harta *mawarith*), *Qadi* (hakim), *Qadi al-Qudah* (ketua hakim), *Sahib al-Shurtah al-Wusta* (ketua polis yang menjaga masyarakat lapisan pertengahan), *Sahib al-Shurtah al-‘Ulya* (ketua polis

yang menjaga masyarakat bangsawan), pegawai tertinggi protokol, *'aynan* (pemantau atau *quartermaster*), dan *al-Hajib* (pegawai tertinggi kerajaan). Kenaikan kedudukan beliau dari satu jawatan ke jawatan yang lebih tinggi dalam tempoh yang luar daripada kelaziman dan ditambah pula dengan kepercayaan yang diberikan oleh Khalifah al-Hakam II menjadikan beliau sebagai seorang pemerintah *de facto* di al-Andalus kemudiannya.

Tambahan pula, perutusan Muhammad ibn Abi 'Amir ke al-Maghrib oleh Khalifah al-Hakam II menyaksikan peranannya yang besar dalam memperluas pengaruh Kerajaan Umawiyah di al-Maghrib. Secara tidak langsung, beliau bukan hanya seorang tokoh politik yang berpengaruh di al-Andalus, bahkan turut terlibat dalam memastikan sokongan taat setia diberikan oleh masyarakat Barbar di al-Maghrib kepada Kerajaan Umawiyah. Setiap amanah dan tanggungjawab yang dipikul berjaya dilaksanakan dengan cemerlang sehingga mendapat pujian pihak khalifah dan disenangi oleh masyarakat al-Andalus di Cordoba pada ketika itu. Kelebihan yang dimiliki beliau ini digunakan dengan sebaiknya terutama dalam mengatur strategi yang berkesan untuk menjatuhkan para pembesar kerajaan yang boleh menggugat kedudukannya.

Meskipun demikian, pemerihalan penglibatan politik Muhammad ibn Abi 'Amir menerusi kupasan Ibn Hayyan al-Qurtubi adalah terhad pada beberapa kedudukan atau jawatan tertentu yang diceburinya. Namun, catatan yang diperoleh oleh kajian ini membuktikan Ibn Hayyan al-Qurtubi sebagai seorang tokoh sejarawan terulung di al-Andalus pada abad ke-5H/11M. Ketokohan dan kebitaraan Ibn Hayyan al-Qurtubi dalam bidang sejarah dan tamadun Islam di al-Andalus diperakui oleh para sejawaran selepasnya dan pengiktirafan ini dapat diterokai melalui karya *al-Muqtabas fi Akhbar Balad al-Andalus*. Karya agung ini menjadi sumber primer buat para pengkaji sejarah dan tamadun Islam di al-Andalus meliputi aspek politik, ekonomi dan sosial. Kesimpulannya, kajian ini turut menatijahkan bahawa karya *al-Muqtabas fi Akhbar Balad al-Andalus* sebagai sumbangan utama Ibn Hayyan al-Qurtubi dalam mencerakinkan penglibatan politik Muhammad ibn Abi 'Amir pada zaman pemerintahan Kerajaan Umawiyah di Cordoba.

## PENGHARGAAN

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil kajian Kumpulan Penyelidikan 'Sejarah Ketenteraan dan Tamadun Islam' (SAKTI) menerusi Geran Universiti Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kod: GUP-2019-027.

## RUJUKAN

- Aguirre, V.E. (2013). The viking expeditions to Spain during the 9<sup>th</sup> century. *Mindre Skrifter* 30. Denmark: Centre for Medieval Studies, University of Southern Denmark.
- Ampuero, M.E.F. (2018). An empire of two religions: Muslim as allies, enemies and subjects in the literature of the Iberian Christian Kingdoms. Tesis Doktor Falsafah, Faculty of the University of Minnesota.
- Arce, J.S. (2019). Was the Umayyad caliphate of Cordoba as strong as Arab chroniclers claimed?. *al-Masaq: Journal of the Medieval Mediterranean* 31(1): 35-49.

- Bubayah, Hajar. (2019). Masadir Abi al-‘Abbas al-Maqqari fi kitab *Nafh al-Tib min Ghushn al-Andalus al-Ratib*: Ibn Hayyan al-Qurtubi unmudhajan. *Majallat ‘Usur al-Jadidah* 9(2): 97-111.
- Cardoso, E. F. (2019). Politics and diplomacy in the Mediterranean of the 10<sup>th</sup> century: al-Andalus and Byzantium. Dlm. Slootjes, D. & Verhoeven, M. (pnyt). *Byzantium in Dialogue with the Mediterranean: History and Heritage*, hlm. 91-108. Leiden, Boston: Brill.
- Catlos, B. A. (2018). *Kingdoms of Faith: A New History of Islamic Spain*. New York: Basic Books.
- Christys, A. (2016). “They fled to their remote islands”: al-Hakam II and al-Majus in the *Muqtabas* of Ibn Hayyan. *al-Masaq: Journal of the Medieval Mediterranean* 28(1): 57-66.
- al-Dabbi, Ibn ‘Umayrah. (1989). *Bughyat al-Multamis fi Tarikh Rijal Ahl al-Andalus*. Tahqiq. al-Abyari, Ibrahim. Jil. 1. al-Qahirah: Dar al-Kitab al-Misri.
- Debasa, A.M.C. (2017). The use of charity as a means of political legitimation in Umayyad al-Andalus. *Journal of the Economic and Social History of the Orient* 60(3): 233-262.
- Dozy, R. (1913). *Spanish Islam: A History of the Moslems in Spain*. Terj. Stokes, F. G. London: Chatto & Windus.
- Hardan, Muhammad Nassif. (2017). al-Tahawwulat al-siyasiyyah fi al-Andalus wa atharuha fi kitabat al-mu’arrikh Ibn Hayyan al-Qurtubi (469H/1076M). *Journal of Historical and Cultural Studies* 9(27): 340-368.
- Ibn Bashkuwal, Abu al-Qasim. (1989). *al-Silah li Ibn Bashkuwal*. Tahqiq. al-Abyari, Ibrahim. Jil. 1. al-Qahirah: Dar al-Kitab al-Misri.
- Ibn Hayyan al-Andalusi, Abu Marwan. (1990). *Kitab al-Muqtabas fi Tarikh al-Andalus*. Tahqiq. al-‘Arabi, Isma‘il. Rabat: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Ibn Hayyan al-Andalusi, Abu Marwan. (2006). *al-Muqtabas fi Akhbar Balad al-Andalus*. Tahqiq. al-Hawwari, Salah al-Din. Bayrut: al-Maktabah al-‘Asriyyah.
- Ibn Hayyan al-Qurtubi, Abu Marwan. (1965). *al-Muqtabas fi Akhbar Balad al-Andalus*. Tahqiq. al-Hajji, ‘Abd al-Rahman ‘Ali. Bayrut: Dar al-Thaqafah.
- Ibn Hayyan al-Qurtubi, Abu Marwan. (1979). *al-Muqtabas li ibn Hayyan al-Qurtubi (al-Juz al-Khamis)*. Tahqiq. Chalmeta, P., Corriente, F. & Subh M. Madrid: al-Ma‘had al-Isbani al-‘Arabi li al-Thaqafah.
- Ibn Hayyan al-Qurtubi, Abu Marwan. (1994). *al-Muqtabas min Anba’ Ahl al-Andalus*. Tahqiq. Makki, Mahmud ‘Ali. al-Qahirah: Wizarat al-Awqaf.
- Ibn Hayyan al-Qurtubi, Abu Marwan. (2003). *al-Safar al-Thani min Kitab al-Muqtabas*. Tahqiq. Makki, Mahmud ‘Ali. Riyad: Markaz al-Malik Faysal li al-Buhuth wa al-Dirasat al-Islamiyyah.
- Ibn Khaldun, ‘Abd al-Rahman. (2001). *Muqaddimah Ibn Khaldun[:] Diwan al-Mubtada’ wa al-Khabar fi Tarikh al-‘Arab wa al-Barbar wa Man ‘Asarahum min Dhawi al-Sha’n al-Akbar*. Tahqiq. Shuhadah, Khalil. Jil. 1. Bayrut: Dar al-Fikr.
- ‘Inan, Muhammad ‘Abd Allah. (1997). *Dawlat al-Islam fi al-Andalus: al-Khilafah al-Umawiyyah wa al-Dawlah al-‘Amiriyyah*. al-Qahirah: Maktabat al-Khanji.
- Kazim, Mahir Sabri. (2007). Ibn Hayyan al-Qurtubi[:] Manhajuhu wa mawariduh fi kitabihi *al-Muqtabas*. *Mustansiriyah Jurnal of Arts* 33(47): 1-18.

- Kusi-Obodum, C. (2017). Alfonso X and Islam: Narratives of conflict and co-operation in the Estoria de Espana. Tesis Doktor Falsafah. Department of Hispanic Studies School of Languages, Cultures, Art History and Music, College of Arts and Law, University of Birmingham.
- Luckhardt, C. (2018). The messenger is the place of a man's judgement: Diplomacy between emperors and caliphs in the tenth century. *Medieval Worlds* 8: 86-108.
- al-Marrakushi, Ibn 'Idhari. (1950). *al-Bayan al-Mughrib fi Akhbar al-Maghrib*. Jil. 2. Bayrut: Maktabat Sadir.
- Meouak, M. (2011). Ibn Hayyan. Dlm. Thomas, D. & Mallet, A. (pnyt.). *Christian-Muslim Relations: A Bibliographical History, Volume 3 (1050-1200)*, hlm. 165-171. Leiden: Brill.
- Mourtada-Sabbah, N. & Gully, A. (2003). 'I am, by God, fit for high positions': On the political role of women in al-Andalus. *British Journal of Middle Eastern Studies* 30(2): 183-209.
- Qadur, Wahrani. (2017). Taqalid ta'yun wa 'azl al-hujjab bi al-Andalus fi al-'ahd al-Umawi (138-422H/756-1031M). *Route Educational and Social Science Journal* 4(2): 83-100.
- al-Qahtani, 'Ali Ahmad 'Abd Allah. (1981). *al-Dawlah al-'Amiriyyah fi al-Andalus: Dirasat siyasiyyat wa hadariyyat* (368-399H/978-1009M). Tesis Sarjana. Qism al-Dirasat al-'Ulya al-Tarikhiyyah wa al-Hadariyyah, Jami'at Umm al-Qura.
- al-Shak'ah, Mustafa. (1984). Abu Marwan ibn Hayyan bayna al-adab al-ibda' wa adab kitabat al-tarikh. *Majallat al-Manahil* 29: 144-187.
- Shu'ayb, 'Abd al-Wahid 'Abd al-Salam. (2014). *Muqtabas Ibn Hayyan[:]* Dhakirat al-Andalus fi al-fann al-tarikhi. *al-Majallah al-Magharibiyyah li al-Makhtutat* 10(1): 113-126.
- Skinner, P. (2012). Amalfitans in the caliphate of Cordoba – or not?. *al-Masaq: Islam and the Medieval Mediterranean* 24(2): 125-138.
- al-Tarib, Sana'. (2014). *al-Ma'afiriyyun fi al-Andalus mundhu al-Fath hatta al-Qarn al-Khamis al-Hijri*. San'a': al-Mu'assasah al-Yamaniyyah li al-Thaqafah wa al-Funun.
- Tariq, Warrad. (2006). Abu Marwan ibn Hayyan wa manhajuhu al-tarikhi min khilal kitabihi *al-Muqtabas*. Tesis Sarjana. Qism al-Tarikh, Kulliyyat al-'Ulum al-Insaniyyah wa al-Hadarah al-Islamiyyah, Jami'at Wuhran.
- Tariq, Warrad. (2015). Kitab *al-Muqtabas* wa mizan al-naqd al-tarikhi. *Majallat al-Qirtas li al-Dirasat al-Tarikhiyyah wa al-Hadariyyah wa al-Fikriyyah* 1(2): 57-71.
- Zayyan, 'Ali. (2013). al-Mu'arrikh al-Andalusi al-kabir Ibn Hayyan[:] Makanatuhu wa mu'allafatuhu wa mawariduhu wa manhajuhu fi kitabihi *al-Muqtabas*. *Majallat 'Ulum al-Insan wa al-Mujtama'* 2(3): 449-472.
- al-Zirikli, Khayr al-Din. (2002). *al-A'lam: Qamus Tarajum li Ashhar al-Rijal wa al-Nisa' min al-'Arab wa al-Musta'rabin wa al-Mustashriqin*. Jil. 2. Bayrut: Dar al-'Alam al-Malayin.